

## **PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN TAFSIR MAUDHU'I DALAM PASCA COVID 19**

Abdulloh Salaeh

Fakulti Pengajian Quran dan SunnahUniversiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan,  
Malaysia.

Tel: +601114361438, E-Mel:Abdulloh@usim.edu.my

Amran bin Abdul Halim, USIM  
Syed Najihuddin Syed Hassan, USIM  
Nidzamuddin Zakaria, USIM  
Walid Mohd Said, USIM  
Mahsor Bin Yahya, USIM  
Mohd. Fauzi Bin Mohd. Amin, USIM

### **Abstrak**


Asas istimbat hukum ialah daripada al-Quran dan diagab sebagai sumber yang pertama dalam Islam. Cara untuk memahami al-Quran itu tidak dapat tiada mesti mempelajari ilmu Tafsir dan bahagian-bahagiannya. Ilmu tafsir pula terdapat beberapa bahagian seperti ilmu tafsir lughawi, tafsir maqaran, tafsir tahlili, tafsir ijmal dan tafsir maudhu'i. Oleh itu, sangat penting untuk mempelajari ilmu Tafsir lebih-lebih lagi kepada pelajar yang sedang melanjutkan pelajaran di universiti yang khususnya agama. Maka di USIM ini, tafsir madhu'i ditawarkan kepada pelajar di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah. Tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pasti kaedah pengajaran dan pembelajaran tafsir maudhu'i di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah dalam masa pasca covid 19 serta kekuatan dan kelemahan pelajar semasa belajar dalam talian. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kualitatif iaitu analisis dokumen. Hasil kajian ini dapat menjelaskan bahawa kefahaman pelajar kurang tepat dengan sesetengah kawasan yang liputan internetnya kurang baik, tetapi bagi pelajar yang tidak hadir ke kelas dengan sebab uzur dapat membuka untuk melihat dan mendengar rakaman video yang di sediakan oleh pihak pensyarah. Ini menjadi perbezaan dari kaedah pembelajaran segerak sehingga pelajar dapat memahami dan pelajar mempunyai peluang untuk berbincang sesama kumpulan dengan menggunakan Microsoft Teams dan lain- lain..

**Kata Kunci:** Pengajaran dan pembelajaran tafsir maudhu'i, Covid 19, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, dalam talian.

### **PENDAHALUAN**

Bahawa kita maklum pada Januari 2020, China melaporkan beberapa kes radang paru-paru yang tidak diketahui punca jangkitannya sehinggalah kemudiannya para penyelidik di sana mengesahkan bahawa ianya berpunca daripada virus baharu yang mula dikesan di bandar Wuhan (Kumar, Malviya & Sharma, 2020) (Semuel Piter Irab & Arius Togodly, 2020). Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) secara rasminya pada 11 Februari 2020 menamakan virus tersebut sebagai Corona Virus Disease 2019 (COVID-19) (Semuel Piter Irab & Arius Togodly, 2020) yang kemudiannya merebak dengan sangat cepat ke negara-negara lain seperti Thailand, Jepun, Korea dan sehingga ke Malaysia. (Mohamed Akhiruddin Ibrahim, 2020).

Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia, penularan wabak Coronavirus terbaru yang ditemui di China iaitu Novel Coronavirus 2019 (COVID-19) di seluruh dunia boleh menyebabkan jangkitan melalui saluran pernafasan. Ianya juga menyebabkan spektrum gejala daripada selsema biasa kepada radang paru-paru (pneumonia) yang teruk. Virus ini merebak melalui titisan dari hidung atau mulut apabila seseorang yang dijangkiti COVID-19 batuk atau bersin. Titisan ini merentasi objek dan permukaan di sekelilingnya dan menjangkiti orang lain. Orang lain akan mendapat jangkitan COVID-19 dengan menyentuh objek atau permukaan ini, kemudian menyentuh mata, hidung atau mulutnya. Seseorang itu juga boleh dijangkiti COVID-19 jika mereka berada dekat dengan pesakit COVID-19 yang batuk atau bersin atau melepaskan titisan. (Nor Fauziana binti Mohd Salleh, 2020 h 1). Dan kes COVID-19 berterusan sampai ke hari ini pada 14 Ogos 2021 dan ternyata kes baru ialah 20,670 yang diistiharkan oleh KKM sebagaimana rajah dibawah.



Gambar no 1: status kes COVID-19 pada 14 Ogos 2021

Pembelajaran dalam talian pada masa COVID-19 sangat sukar kalau dibandingkan dengan keadaan biasa sebelum datangnya COVID-19. Menurut Nor Aniza Ahmad dan Lay Nee Chua (2015), pembelajaran dalam talian atau pembelajaran elektronik (e-pembelajaran) dilaksanakan apabila terdapat pemisahan jarak mahupun masa di antara pelajar dan tenaga pengajar yang dihubungkan melalui sistem teknologi seperti internet, televisyen, radio dan sebagainya. Sistem pembelajaran dalam talian ini bukanlah platform baharu dalam institusi pendidikan di Malaysia, bahkan ia telah mula


dilaksanakan sekitar lewat 1990 (Fahmeeda Adib Azhari & Long Chiau Ming, 2020) dan mula menjadi perbincangan hangat berikutan pelaksanaan sepenuhnya sistem ini sepanjang PKP dilaksanakan.

Dan juga saya akui belajar bersemuka lebih berkesan berbanding PdPR secara dalam talian. "Tidak dinafikan terdapat kekangan untuk PdPR seperti kewangan kerana tidak semua ibu bapa mampu menyediakan gajet untuk anak mereka. Selain itu, anak murid merasakan lebih seronok hadir ke sekolah dan datang ke universiti bahkan mereka memang semangat mematuhi SOP serta boleh dikawal," katanya yang berharap lebih ramai pihak badan bukan kerajaan (NGO) memberi bantuan penyediaan bahan sanitasi ke sekolah. (<https://www.hmetro.com.my/mutakhir> ).



Gambar no 2: Contoh pembelajaran di sekolah sekolah masa COVID-19

Manakala penilaian untuk mengukur tahap pencapaian pelajar menurut Nor Fauziana binti Mohd Salleh (2020) juga boleh dilaksanakan melalui kaedah atas talian. Contohnya, pelajar membuat rakaman video untuk membentangkan tugas yang diberikan secara individu. Markah akan diberikan oleh pendidik berdasarkan rubrik pemarkahan yang disediakan. Tugas juga boleh dihantar melalui medium yang bersesuaian mengikut kehendak pendidik. Soalan-soalan juga boleh dibangunkan menggunakan aplikasi Kahoot, Google Form dan sebagainya untuk melancarkan proses penilaian pelajar dan seterusnya meningkatkan keseronokan PdPR secara atas talian. (<https://www.researchgate.net/> )



## FAKULTI PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH

Fakulti Pengajian Al-Quran dan Sunnah (FPQS) merupakan salah satu daripada sembilan fakulti yang terdapat di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Satu fakulti yang melahirkan graduan yang berpengetahuan, berkemahiran dan profesional dalam bidang pengajian Al-Quran dan Sunnah dan juga dapat menyebarkan keutamaan Islam dengan memberi peluang kepada para penyelidik dan pendidik untuk belajar dan menyebarkan pengetahuan dan kebijaksanaan Al-Quran dan Sunnah kepada masyarakat dan negara.

Bidang pengajian al-Quran dan Sunnah adalah bidang yang paling diperlukan dalam Islam kerana ia adalah asas dalam kehidupan umat Islam. Oleh itu, penubuhan Fakulti Pengajian Al-Quran dan Sunnah akan meningkatkan keinsafan tentang al-Quran dan Sunnah dalam kehidupan umat Islam dalam perkembangan teknologi dan pemodenan global yang pesat. Seperti dalam pembaharuan pembangunan peradaban dan pengembangan watak modal insan adalah keutamaan bagi negara, maka pentingnya pengajian al-Quran dan Sunnah dalam kehidupan tidak dapat dinafikan lagi. Maka di fakulti ini ada di tawarkan beberapa program seperti program Pengajian Al-Quran dan Sunnah (QS), program Pengajian Al-Quran dan Multimedia (QM), program Sarjana Muda Pengajian Sunnah dan Pengurusan Maklumat (SPM), program Qiraat.

## SUBJEK TAFSIR MAUDHU'I

Subjek Tafsir maudhu'i adalah satu subjek yang wujud di Fakulti Pengajian Al-Quran dan Sunnah yang di tawarkan untuk pelajar tahun 3 bagi semester 1, bagi kos (QS, QM). Ia adalah salah satu daripada subjek Wajib Fakulti (WF) bagi pelajar, maka dalam saubjek ini mengadungi 13 tajuk dan

mengandung ilmu aqli dan naqli yang boleh mendedahkan kepada pelajar supaya mengetahui isu-isu semasa dan dalam subjek ini juga ada mengajar kepada pelajar secara praktikal bagaimanakah cara-cara untuk membuat bahas menggunakan Program Atlas.ti. dan dengan program ini dapat membantu pelajar memenuhi kerja-kerja krusus.

### **PENGETIAN TAFSIR MAUDU'I:**

Kalimah maudu'i (موضوعي) berasal daripada Bahasa Arab *wada'a* (وضع) iaitu dari huruf ( و - ض - ع ) yang bererti meletakkan tangan ke dalam sesuatu, menjadikan, mendustakan atau mereka-reka (Muammad ibn Mukarram. t.t. ). Terdapat banyak kalimah *wada'a* (وضع) didalam al-Quran, seperti firman Allah SWT dalam ayat 96 surah Ali 'Imran:

إِنَّ أَوَّلَ بَيْتٍ وُضِعَ لِلنَّاسِ لَلَّذِي بِبَكَّةَ مُبَارَكًا وَهُدًى لِّلْعَالَمِينَ

#### **Maksudnya:**

*Sesungguhnya Rumah Ibadat yang mula-mula dibina untuk manusia (beribadat kepada Tuhannya) ialah Baitullah yang di Makkah yang berkat dan (dijadikan) petunjuk hidayah bagi umat manusia.*

Dan firman Allah SWT dalam ayat 36 surah Ali 'Imran:

فَلَمَّا وَضَعْتُهَا قَالَتْ رَبِّ إِنِّي وَضَعْتُهَا أُنْثَىٰ ...

#### **Maksudnya:**

*Maka ketika melahirkannya, dia berkata, "Ya Tuhanku, aku telah melahirkan anak perempuan"...*

Dapat disimpulkan dari ayat al Quran diatas bahawasanya kalimah ( وضع ) itu berbeza pada maknanya mengikut karinah masing-masing. Oleh itu, bagi mereka yang mahu memahami makna-makna ayat al Quran perlu arif dalam ilmu tafsir sama ada makna itu khusus atau makna am/umum. Tafsir Maudhu'i ialah satu bentuk tafsir yang mengumpulkan ayat-ayat al-Quran mengenai satu tajuk, tema atau bahagian yang khusus dan tertentu. Ayat-ayat tersebut kemudiannya disusun mengikut tertib sebab penurunannya, kemudian menjelaskan pengertian ayat, hubungan sesebuah ayat dengan ayat yang lain dan akhirnya dinyatakan kesimpulan tentang hukum-hukumnya (Abd al-Hayy al-Farmawi. 1968 ).

Menurut Abbas Awad, istilah ‘*Tafsir Maudhu’i*’ ialah pengumpulan ayat-ayat al-Quran yang membincangkan mengenai satu topik, tajuk atau tema yang sama kemudian semua aspek yang terkandung didalam ayat-ayat tersebut dijelaskan dan diperincikan. Seterusnya, didatangkan pendapat para ulama mufassirin mengenai ayat yang berkaitan dan akhir sekali, dikeluarkan istinbat, hukum-hakam dan kesimpulan daripadanya (Abas Awad AwadAllah Abas. 2007).

**TAJUK-TAJUK DALAM SUBJEK TAFSIR MAUDU’I DI FPQS :**

الموضوع	المبحث
المدخل إلى التفسير الموضوعي	المبحث الأول
الخطوات المرحلية للسير في التفسير الموضوعي وقواعد منهجية للبحث	المبحث الثاني
علم المناسبات والتفسير الموضوعي	المبحث الثالث
الجهل من خلال الآات القرآنية	المبحث الرابع
الجاهل والجاهلون في السياق القرآني	المبحث الخامس
صيغة المبالغة والمصدر السماعي ( جهالة ) في السياق القرآني	المبحث السادس
جاهلية في السياق القرآني	المبحث السابع
الشورى في القرآن الكريم	المبحث الثامن
وقائع من الشورى في القصص القرآني	المبحث التاسع
الدراسة التطبيقية في تفسير موضوعي لسورة قرآنية ( سورة الملك ) ( بين يدي السورة )	المبحث العاشر
الدراسة التطبيقية في تفسير موضوعي لسورة الملك ( مناسبات السورة لما قبلها وما بعدها )	المبحث الحادي عشر
الدراسة التطبيقية في تفسير موضوعي لسورة الملك ( دروس السورة والتنسيق بينها )	المبحث الثاني عشر

المبحث الثالث عشر الدراسة التطبيقية في تفسير موضوعي لسورة الملك ( من لطائف السورة)
---

**PEMBELAJARAN MASA COVID 19**  
**CO Amendment masa pembelajaran secara dalam talian**


AMENDMENT								STATUS (Completed before MCO)
WEEK	TOPIC/CONTENT	TLA			ACTIVITY TIME	PREPARATION TIME	TOTAL	
		LECTURE (F2F)	SYNC	ASYNC				
1	Pengenalan kursus	Kuliah	Ms Teams+ Notes		2	2	4	
2	At-Tafsir al-Maudhu'i: Satu Pengenalan		Video/Voice Record+ Notes		2	2	4	
3	Metodologi Penulisan Al-Maudhu'i		Ms Teams+ Notes		2	2	4	
4	Ilmu Munasabat		Video/Voice Record+ Notes		2	2	4	
5	Al-Jahl Menurut al-Quran		Ms Teams+ Notes		2	2	4	
6	Al-Jahl Menurut al-Quran		Video/Voice Record+ Notes		2	2	4	
7	Al-Jahl Menurut al-Quran		Ms Teams+ Notes		2	2	4	
8	Al-Jahl Menurut al-Quran		Video/Voice Record+ Notes		2	2	4	
9	As-Syura dalam al-Quran		Ms Teams+ Notes		2	2	4	
10	As-Syura dalam al-Quran		Video/Voice Record+ Notes		2	2	4	
11	As-Syura dalam al-Quran		Ms Teams+ Notes		2	2	4	
12	Kesajiban Penciptaan Allah s.w.t di dalam Surah al-Mulk		Ms Teams+ Notes		2	2	4	
13	Kesajiban Penciptaan Allah s.w.t di dalam Surah al-Mulk		Ms Teams+ Notes		2	2	4	
14	Kesajiban Penciptaan Allah s.w.t di dalam Surah al-Mulk		Ms Teams+ Notes		2	2	4	
<b>TOTAL</b>					<b>28</b>	<b>28</b>	<b>56</b>	
<b>TUTORIAL/PRACTICAL</b>								

**Gambar no 4: CO Amendment masa pembelajaran secara dalam talian**

Mengikut CO tafsir II yang disediakan adalah pembelajaran dalam masa 14 minggu kita menggunakan dua kaedah didalam pengajaran dan pembelajaran iaitu dengan kaedah pertama belajar secara segerak dan kaedah yang kedua kaedah secara tidak segerak iaitu menggunakan (rakaman video) dan hantar kepada pelajar, Rakaman tersebut mempunyai 13 slide masa satu jam sahaja dan nilainya seperti 2 jam kredit. Seolah-olah menepati F2F dalam nilai jam ia mempunyai perkiraannya sendiri. Maka cara pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian ini berbeza sedikit dari cara pengajaran dan pembelajaran sebelum masa COVID-19 kerana semasa itu kuliah wajib 2 jam bagi pensyarah untuk mengajar.

**CARA REKOD KEHADIRAN**

Pengajaran dan pembelajaran tafsir maudhu'I kod ( QQT3093 ) yang dijalankan pada masa pasca COVID-19 ini menggunakan aplikasi yang dapat membantu dalam kuliah ialah aplikasi (Microsoft Teams). Dalam program ini ia boleh memuatkan jumlah seramai 300 orang pelajar sahaja dan kehadiran pelajar biasa digunakan dalam ini juga sebagai contoh dibawah:



	A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L	M	N
2	Abdulloh	Joined	12/22/2020, 8:04:03 PM											
3	NURULZA	Joined	12/22/2020, 8:04:13 PM											
4	SITI NABIL	Joined	12/22/2020, 8:04:21 PM											
5	SITI NABIL	Left	12/22/2020, 8:11:32 PM											
6	SITI NABIL	Joined	12/22/2020, 8:12:05 PM											
7	MOHD AM	Joined	12/22/2020, 8:04:37 PM											
8	WAN MOH	Joined	12/22/2020, 8:04:39 PM											
9	NUR ALIA	Joined	12/22/2020, 8:05:19 PM											
10	WAN NUR	Joined	12/22/2020, 8:09:58 PM											
11														
12														
13														
14														

Gambar No 5: Rajah kehadiran tutorial dalam Microsoft Teams


Dapat dilihat dalam rajah diatas terdapat bahawa kehadiran itu tercatat nama pelajar, tarikh yang diadakan kuliah dan masa mula kuliah dan yang terakhir tertulis “ Joined” dari situ dapat pensyarah mengetahui pelajar masuk kelas dari pada masa jam berapa dan berapa lama dia hadir kelas tersebut.

## TUGASAN PROJEK (PENULISAN LAPORAN )

Tugas ini setiap kumpulan pelajar pasti kena pilih ahli kumpulan dan pilih tajuk kemudian mulai membuat projek itu dengan menggunakan program Atlas.Ti yang akan membantu pelajar untuk penulisan laporan masing-masing. Bagi markah projek ini adalah 25 markah dan manakala penulisan laporan 25 markah dan keseluruhannya ialah 50 markah. Sebelum itu pelajar akan pilih kumpulan dan setiap satu kumpulan terdiri dari lima orang atau empat orang dan tajuk – tajuk akan dipilih oleh kumpulan pelajar sendiri seperti tajuk:



تربية الإسلام في سورة لقمان ، تطبيق التوحيد في سورة الفاتحة، الحيوان في سورة النحل

dan lain-lain tajuk lagi. Sebelum pembentangan berlaku maka setiap kumpulan pelajar akan mempunyai tajuk dan dalam setiap minggu pelajar akan menghantarkan wakil masing-masing untuk membentangkan secara atas talian dihadapan pensyarah secara segerak. Bagaimana cara untuk mencari bahan-bahan dengan menggunakan program Atlas.Ti ini akan membantu pelajar supaya lebih cepat menulis laporan secara mudah.




Gambar no 6: Projek (Penulisan Laporan tafsir maudhu'i)

Kuliah secara dalam talian masa COVID-19



Gambar No 7: Pengajaran dan pembelajaran tafsir maudhu'i secara dalam talian masa COVID-19. Slide diatas ialah pengajaran dan pembelajaran tafsir maudhui secara dalam talian masa COVID-19 dan tajuknya ialah (جهول في السياق القرآن) dan perkara perbincangan seperti rajah dibawah ini:



### Fail pengajaran secara dalam talian

Setiap pensyarah akan ada folder kursus apabila selesai daripada setiap satu ke satu semester, maka dalam folder tersebut ada beberapa perkara yang pasti setiap tenaga pengajar bukan kursus subjek tafsir sahaja sebagaimana berikut ini:

- BAHAGIAN A - PROFIL PENSYARAH
- BAHAGIAN B - JADUAL PENGAJARAN & SURAT LANTIKAN PENGAJARAN
- BAHAGIAN C - TAKWIM AKADEMIK SEMASA
- BAHAGIAN D - RANGKA KURSUS
- BAHAGIAN E - REKOD KEHADIRAN PELAJAR
- BAHAGIAN F - NOTA & BAHAN KULIAH
- BAHAGIAN G - KERJA KURSUS
- BAHAGIAN H - PENGURUSAN PEPERIKSAAN AKHIR
- BAHAGIAN I - KEPUTUSAN AKHIR PELAJAR
- BAHAGIAN J - CLO ATTAINMENT & LAPORAN ANALISIS PENCAPAIAN KURSUS
- BAHAGIAN K - LAPORAN E-NILAI
- BAHAGIAN L - PENGESAHAN SEMAKAN FAIL

**Gambar No 8 : Contoh Fail Pengajaran Kursus**

## **KESIMPULAN**

Penulis dapat simpulkan selepas kajian diatas bahawa mendapati pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian yang mula fokus ketika pandemik COVID-19 ini mula diterima baik dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian tinggi Malaysia sama ada swasta mahupun kerajaan. Walaubagaimanapun, pelaksanaan kaedah pembelajaran ini perlu dikaji semula khususnya dalam konteks interaksi pensyarah dan pembelajaran kursus tafsir maudhu'i agar mencapai tahap kepuasan di kalangan pelajar. Dan betapa pentingnya Ilmu Tafsir khususnya tafsir maudhu'i agar dapat mengetahui isi kandungan al-Quran dengan lebih lagi serta mengetahui ilmu-ilmu lain yang ada di dalam al-Quran dan juga dapat mengetahui isu-isu dan cabaran yang dihadapi oleh para pelajar sama ada di univesiti atau lain ketika pandemik COVID-19. Antara cabarannya ialah pencapaian internet di setengah tempat kurang baik sehingga tidak dapat mengatasi masalah belajar dengan baik dalam pengajaran dan pembelajaran. Hasil kajian ini mendapati bahawa interaksi pensyarah amat penting dalam memberi kefahaman kepada pelajar di samping kaedah pengajaran yang terbaik dan mudah difahami, dan masalah pencapaian internet pelajar di setengah tempat tidak memenuhi seratus peratus menjadikan pelajar sukar untuk memahami dan menerima pembelajaran dengan baik.

## **RUJUKAN**

Abas Awad AwadAllah Abas. 2007. *Muhadharat fi Tafsir Maudhu'i*. Darul Fikru.

Abd al-Hayy al-Farmawi. 1968. *Mu'jam al-alfaz wa al-A'lam Al-Qur'aniyah*. Dar al-`Ulum, Kairo  
Fahmeeda Adib Azhari & Long Chiau Ming. 2015. Review of E-Learning Practice at the Tertiary Education Level in Malaysia. *Indian Journal of Pharmaceutical Education and Research*. Vol. 49(4): 248-257.

Kumar, D., Malviya, R. & Sharma, P. K. 2020. Corona Virus: A Review of COVID-19. *Eurasian Journal of Medicine and Oncology*. Vol. 4(1): 8-25.

Mohamed Akhiruddin Ibrahim, 2020. Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Interaksi Pensyarah Dan Pembelajaran Kursus Tafsir Al-Quran Dalam Suasana Pandemik Covid-19, *International Seminar On Islam And Science 2020 (Sais 2020) Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM) In Collaboration with: International Halal and Fatwa Centre (iFFAH) &Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) ( usim)*.

Nor Aniza Ahmad & Lay Nee Chua. 2015. Technology and Higher Education: Using an E-Learning Tutorial as a Pedagogy for Innovation and Flexible Learning. *Malaysian Journal of Distance Education*. Vol. 17(1): 21-31 Samuel Piter Irab & Arius Togodly, 2020.

Nor Fauziana binti Mohd Salleh, 2020, *Pandemik Coronavirus (Covid-19): Pembelajaran Dan Pengajaran Secara Atas Talian Suatu Keperluan Di Malaysia, Kolej Komuniti Bentong*.

Samuel Piter Irab & Arius Togodly. 2020. Limitations of Rural Health Services and Assessment Pregnant Mothers in the Pandemic Covid-19 of the Papua Province Indonesian. *Advances in Social Sciences Research Journal*. Vol. 7(7): 723-731.